

Pakar perubatan nasihat Tun M tidak jalani pembedahan

Kuala Lumpur: Pakar perubatan menasihati Tun Dr Mahathir Mohamad tidak menjalani pembedahan bagi merawat tulang pinggul yang patah berikutan risiko komplikasi disebabkan faktor usia.

Anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata keluarganya menerima nasihat pakar Institut Jantung Negara (IJN) serta Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) supaya Dr Mahathir menjalani

proses pemulihan biasa, tetapi akan memakan masa yang lebih panjang.

“Oleh kerana keadaan kesihatan beliau, tentulah kena ambil masa sikit, itu pun dalam dua tiga minggu juga untuk beliau (Dr Mahathir) berehat kerana faktor usia beliau mencecah 100 tahun.

“Pembedahan bukan satu opsyen yang baik. Kita dinasihatkan pakar IJN dan HUKM untuk beliau melalui satu pro-

ses pemulihan biasa yang akan mengambil sedikit masa.

“Ini supaya beliau boleh kembali sihat seperti biasa dan boleh kembali bertugas seperti sebelum ini,” katanya menerusi kenyataan video semalam.

Mukhriz menjelaskan, Dr Mahathir cedera selepas terjatuh ketika melakukan aktiviti brisk walk yang menjadi rutin hariannya.

Susulan itu, beliau berharap semua pihak memberi ruang

dan masa mencukupi untuk bekas Perdana Menteri ke-4 dan ke-7 itu untuk berehat dan pulih sepenuhnya.

Kelmarin, Dr Mahathir dirujuk ke IJN selepas terjatuh di kediamannya di Seri Kembangan, Selangor.

Pembantunya, Sufi Yusoff, mengesahkan kepada media bahawa Dr Mahathir memerlukan beberapa minggu untuk menjalani rawatan dan pemantauan di hospital.

Dia turut menjelaskan kejadian sekitar jam 9 pagi itu, ketika Dr Mahathir sedang berjalan dari balkoni ke ruang tamu kediamannya.

Kali terakhir Dr Mahathir dimasukkan ke IJN pada Julai tahun lalu akibat keletihan selepas menghadiri satu majlis di Putrajaya.

Insiden itu berlaku hanya beberapa hari selepas dia menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-100.